

02 MAY 1998

DR MAHATHIR LANCAR BUKU MENGENAI PEMBANGUNAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 2 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan buku "Penggerak Jentera Pembangunan" terbitan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Buku mengenai sejarah penubuhan dan perkembangan UPP itu bertujuan memberi gambaran lebih jelas mengenai peranan dan tugas unit yang unik dan pelbagai, program serta projek pembangunan negara dalam era Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Negara.

Buku mengandungi tujuh bab itu dihasilkan oleh panel penulis yang dilantik oleh UPP dengan kerjasama Institut Kajian Sejarah dan Patrimosme Malaysia (IKSEP).

Dr Mahathir turut merasmikan Hari Kualiti UPP dan menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 24 pegawai kanan, pegawai dan kakitangan pusat UPP dan cawangannya di seluruh negara.

-- BERNAMA

RA AKD